

umc (Hello kampus) 10/12/14 (Rabu) Ms: 26

23 murid SK Temai lawat Universiti Malaysia Pahang

KUANTAN 9 Dis. - Sebanyak 23 murid tahun enam Sekolah Kebangsaan (SK) Temai, Pekan mengadakan lawatan ke Universiti Malaysia Pahang (UMP), di Kampus Gambang dekat sini baru-baru ini.

Lawatan yang merupakan kesinambungan daripada program khidmat komuniti UMP bersama sekolah tersebut sebelum ini turut disertai lima guru SK Temai, termasuk Guru Besar, Muhd. Imeran Ibrahim.

Ketibaan mereka disambut pensyarah dan sembilan mahasiswa Program Tenaga dan Persekitaran, Pembuatan dan Elektrik, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (Ftek) UMP.

Menurut pensyarah Ftek, Nurul Nadia Nor Hamran, pihaknya menjemput murid sekolah ini mengadakan lawatan ke UMP bagi memberi pendedahan kepada mereka mengenai kehidupan di kampus.

Katanya, ini sebagai dorongan kepada murid sekolah berkenaan untuk cemerlang dalam akademik agar dapat menjejakkan kaki ke menara gading suatu hari nanti.

"Dalam lawatan ini, murid-murid ini diberi suntikan semangat untuk terus mencipta kecemerlangan selain menyaksikan sendiri dewan kuliah, makmal, galeri, perpustakaan dan persekitaran kampus," katanya dalam kenyataan di sini.



MURID tahun 6 SK Temai, Pekan bersama empat guru bergambar kenangan semasa melawat Universiti Malaysia Pahang, baru-baru ini.